

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan tentang reka bentuk kajian yang merangkumi kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini. Ini termasuk langkah-langkah yang diambil untuk menentukan responden kajian, instrumen kajian, sumber data kajian, pengumpulan data dan penganalisisan data.

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah campuran, iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif mudah. Kaedah kuantitatif mudah digunakan untuk menganalisis kekerapan percampuran dan penukaran kod yang berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat serta mengkaji kekerapan bahasa asing yang kerap digunakan dalamnya.

Dalam usaha mengumpul data-data kajian, pengkaji juga menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Chua (2006), kajian tinjauan amat sesuai dalam bidang sosial, terutamanya untuk mendapatkan pandangan dan pendapat orang ramai mengenai sesuatu isu semasa. Dalam kajian ini, aspek yang akan dikaji ialah mengenai tahap percampuran dan penukaran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan, faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya percampuran kod dalam lagu-lagu Tamil tempatan, pandangan para penulis lirik terhadap percampuran dan penukaran kod yang semakin menular dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan dan pendapat para pendengar lagu terhadap percampuran dan penukaran kod yang menguasai lagu-lagu Tamil tempatan.

Kaedah kualitatif pula digunakan untuk mengenal pasti jenis percampuran dan penukaran kod yang berlaku dalam peringkat kata, frasa, klausa dan ayat.

### **3.2 Kerangka Teoritikal**

Terdapat beberapa pengkaji yang telah mengemukakan pelbagai pendapat dan menfomulasikan pelbagai teori, kerangka konsep dan model untuk menjelaskan fenomena penukaran dan percampuran kod (Bentahila et al. (1983); Kachru (1978); Myers Scotton (1993); Nishimura (1997); Pfaff 1975). Menurut mereka penukaran dan percampuran kod didorong oleh beberapa kekangan yang dipengaruhi oleh bahasa-bahasa yang terlibat dalam sesuatu perbualan.

Pendapat para pengkaji mengenai kekangan (*constraint*) percampuran dan penukaran kod terbahagi kepada empat kumpulan utama iaitu kekangan spesifik bahasa, kekangan universal dan umum, kekangan teoritikal serta kekangan bahasa matriks (Naseh, 1997).

Menurut Naseh (1997) lagi, kekangan-kekangan ini menyebabkan kewujudan pertikaian apabila diaplikasikan dalam pasangan bahasa lain. Bagi tujuan pengkajian luas, hanya tiga kekangan linguistik sahaja dipertimbangkan, iaitu susunan atau bentuk keseimbangan, saiz juzuk dan morfem bebas.

Pendekatan Poplack (1980) yang mengutamakan kesesuaian bahasa dalam sesuatu titik peralihan menjadi tumpuan utama. Menurut Poplack, penukaran kod terjadi dalam satu titik pertemuan dua sistem tatabahasa yang berlainan tetapi tidak melanggar peraturan masing-masing. Poplack ke atas masyarakat dwibahasa Spanish dengan Inggeris adalah salah satu kajian yang amat terpengaruh. Dalam kajian tersebut, beliau

telah memberi penekanan kepada kekangan persamaan dan kekangan morfem bebas yang melibatkan percampuran dan penukaran kod.

Menurut Poplack (1980), penukaran kod berlaku pada sesuatu titik perbualan di mana kewujudan elemen bahasa pertama (L1) dan bahasa kedua (L2) tidak melanggar peraturan sintaksis bahasa yang terlibat.

*“Code-switches will tend to occur at points in discourse where juxtaposition of L1 and L2 elements does not violate a syntactic rule of either language, at points around which the surface structures of the two languages map onto each other. According to this simple constraint, a switch is inhibited from occurring within a constituents generated by a rule from one language which is not shared by the other”.*

(Poplack, 1980)

Poplack menerangkan bahawa semasa berlaku sesuatu penukaran kod, juzuk utama seperti ayat dan klausa kerap bercampur berbanding dengan unsur yang lebih kecil seperti kata nama, kata penentu, kata kerja, kata keterangan dan kata adjektif (Poplack, 1980). Kekangan morfem bebas pula menghalang penukaran kod di antara morfem terikat dan bentuk leksikal. Jika tidak, bentuk leksikal diintegrasikan secara fonologi dalam bahasa-bahasa morfem terikat (Sankoff dan Poplack, 1981).

*“In free morpheme constraint the codes may be switched after any constituent in discourse provided that constituent is not a bound morpheme”.*

(Poplack, 1980)

Kecenderungan untuk mempertimbangkan kekangan-kekangan linguistik umum ini sah bagi mana-mana pasangan bahasa yang terhasil daripada pelbagai jenis kajian yang diberi tumpuan dalam susunan utama. Susunan utama ini mengawal gaya penukaran

kod dan menyiasat faktor serta halangan linguistik yang menyekat kewujudan penukaran pada titik tertentu. Oleh itu, pendekatan Poplack (1980) ini digunakan bagi tujuan kajian ini.

### **3.3 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mengumpul data bagi kajian ini adalah kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif mudah. Data dikumpul dengan mentranskripsikan lirik lagu-lagu Tamil tempatan tersebut.

Lagu-lagu yang difokuskan dalam kajian ini ialah yang terkandung dalam ‘*ni:nka:ta nencil Voice Of mannin maintarkal 2010*, edisi ke - 4 (MP3). MP3 ini diterbitkan oleh Digital Vision 72 pada bulan Ogos 2010. Digital Vision ini pada kebiasaanya mengenal pasti lagu-lagu Tamil yang mendapat sambutan hebat dari kalangan peminat atau pendengar, lalu menjadikannya satu koleksi dalam MP3. Ini adalah bagi memudahkan peminat lagu-lagu Tamil tempatan supaya dapat memiliki kesemua lagu yang mereka minati. Setakat ini Digital Vision ini telah menerbitkan 4 MP3 koleksi lagu-lagu Tamil tempatan yang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Pengumpulan data ini dilakukan mulai awal bulan September 2010 hingga akhir bulan Oktober 2010.

Data tambahan bagi kajian ini juga dikumpul melalui soal selidik dan temu bual. Soal-selidik ditadbirkan dalam dua cara iaitu secara bersemuka dan melalui *email*. Semasa soal-selidik ditadbirkan kepada responden, terlebih dahulu pengkaji memperkenalkan diri kepada responden dan menjelaskan tujuan kajian untuk mendapatkan persetujuan mereka serta memastikan mereka memenuhi syarat-syarat persampelan iaitu menjawab

semua soalan dengan lengkap. Tambahan lagi, bagi meyakinkan responden, pengkaji berjanji bahawa jawapan mereka akan dirahsiakan.

Pengkaji meluangkan lebih kurang sepuluh minit kepada setiap responden yang ditadbirkan soal selidik secara bersemuka untuk menerangkan soalan-soalan, terutamanya kepada responden yang tidak berapa memahami soalan-soalan tertentu. Bagi soal selidik yang ditadbirkan kepada responden melalui email, mereka diberi selama 2 hari untuk menjawabnya. Pengumpulan data dijalankan secara intensif dan serius selama satu bulan. Setelah memastikan maklumat-maklumat yang diperlukan telah dikumpulkan, pengkaji telah memulakan penganalisisan.

### **3.4 Data dan Pemilihan Sampel Kajian**

Menurut Chua (2006), persampelan ialah satu proses penyelidikan ke atas sesuatu populasi yang ingin dikaji dengan mengambil sebahagian daripada populasi untuk diselidiki dan sebahagian daripada populasi itu akan mewakili keseluruhan populasi. Jadi persampelan ialah satu proses memilih dan mengkaji sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dan membolehkan kita membuat generalisasi mengenai populasi itu.

Sumber utama data kajian ini ialah lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang tersenarai dalam MP3 ‘ni:nka:ta nencil Voice Of mannin maintarkal 2010, edisi ke-4. Manakala responden-responden yang menjawab soal selidik ialah 50 orang pendengar dan peminat lagu-lagu Tamil tempatan yang dipilih secara rawak di sekitar Puchong, Petaling, Shah Alam dan Klang dan sepuluh orang penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang ditemu bual.

### **3.4.1 Sumber Utama Data Kajian - Lirik Lagu**

MP3 ‘ni:nka:ta nencil Voice Of mannin maintarkal 2010, edisi ke-4 yang diterbitkan oleh Digital Vision 72 mengandungi sebanyak 65 lagu Tamil tempatan. Kesemua lirik lagu-lagu tersebut diambil kira sebagai data dalam kajian ini. Senarai tajuk dan lirik lagu-lagu boleh dilihat masing-masing dalam Lampiran V dan Lampiran VI.

### **3.4.2 Responden Kajian - Pendengar lagu**

Pengkaji telah memilih 50 orang pendengar lagu-lagu Tamil tempatan sebagai responden penyelidikan ini. Seramai 50 orang responden ini, terdiri daripada 25 orang lelaki dan 25 orang perempuan. Agihan ini dibuat untuk mengenal pasti perbezaan kecenderungan antara lelaki dan perempuan terhadap lagu-lagu Tamil tempatan. Pengkaji memfokuskan kepada responden yang dalam peringkat umur 16 tahun hingga 40 tahun yang dikenali sebagai belia. Ini dilakukan sedemikian kerana pengkaji berpendapat bahawa kaum belia lebih cenderung mendengar lagu-lagu Tamil tempatan daripada golongan tua. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal-selidik untuk memperoleh maklum balas responden tentang percampuran dan penukaran kod dalam lagu-lagu Tamil tempatan serta kecenderungan mereka terhadap lagu-lagu tersebut.

### **3.4.3 Responden Kajian - Penulis Lirik**

Pengkaji telah memilih seramai 10 orang penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang tinggal sekitar Kuala Lumpur dan Puchong sahaja sebagai sampel kajian ini. Pemilihan penulis-penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan dilakukan sedemikian untuk memudahkan pengkaji menghubungi dan menemu bual mereka. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data daripada responden-

responden ini untuk mengetahui faktor-faktor yang mengakibatkan percampuran dan penukaran kod bahasa asing dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Dua bentuk instrumen iaitu soal selidik dan panduan temu bual separuh berstruktur digunakan untuk memperoleh data sekunder kajian ini. Pengkaji telah menyediakan soalan-soalan mengikut keperluan untuk menjawab soalan-soalan kajian ini. Soalan-soalan yang dibentuk terdiri daripada soalan tertutup dan terbuka. Pengkaji mempunyai kewajaran sendiri tentang struktur soal-selidik yang dibina. Struktur soalan ini seharusnya memudahkan para informan untuk berespon (Trudgill, 1974).

#### **3.5.1 Soal selidik**

Instrumen pertama yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang mengandungi soalan-soalan tertutup dan soalan-soalan terbuka. Pengkaji berpendapat, bagi menjayakan kajian ini, soal-selidik merupakan salah satu instrumen yang amat berkesan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Soal-selidik ini ditadbirkan pada responden untuk mendapatkan maklumat daripada mereka. Penyediaan soal-selidik ini adalah sejajar dengan tujuan kajian yang dijalankan.

Dalam kajian ini, pengkaji mentadbirkan soal-selidik secara langsung iaitu bersemuka dan juga melalui email. Skala Likert telah digunakan bagi responden memilih tahap respon mereka bagi soalan-soalan tertutup. Terdapat juga beberapa soalan respon terbuka dalam soal-selidik ini untuk memberi peluang kepada responden bagi meluahkan pendapat mereka secara bebas.

Soal-selidik ini terbahagi kepada dua bahagian. Antara aspek-aspek yang terkandung dalam bahagian pertama ialah mengenai latar belakang peribadi responden yang merangkumi maklumat seperti umur, jantina, bahasa ibunda, aliran pendidikan, bahasa pertuturan, dan pekerjaan. Item-item ini memberi gambaran secara kasar mengenai latar belakang responden. Sementara itu, bahagian kedua soal-selidik pula mengandungi soalan-soalan terbuka yang berkaitan dengan minat dalam muzik dan lagu-lagu Tamil tempatan.

Soalan-soalan ini telah dibentuk oleh pengkaji sendiri. Pengkaji telah menggunakan Bahasa Melayu untuk membentuk soalan-soalan ini kerana ketidakpastian pengkaji terhadap kebolehan responden dalam Bahasa Tamil.

### **3.5.1.1 Ujian Rintis**

Ujian rintis adalah kajian yang dijalankan sebelum kajian sebenar diadakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dipilih oleh pengkaji (Chua, 2006). Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan ujian rintis untuk memantapkan lagi soal selidik. Soal selidik yang telah disediakan ditadbirkan kepada 5 orang responden. Melalui ujian rintis ini, pengkaji berjaya mendapatkan maklum balas mengenai kelemahan item-item yang terkandung dalam soal selidik. Pengkaji telah menstrukturkan semula soalan-soalan berdasarkan maklum balas tersebut supaya data yang tepat bagi menjawab soalan-soalan kajian mengenai fenomena percampuran dan penukaran kod yang berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan diperoleh.

### **3.5.2 Panduan Temu Bual Separuh Berstruktur**


Temu bual juga diadakan dengan penulis-penulis lirik lagu bagi mengumpul maklumat tambahan mengenai faktor-faktor pemilihan bahasa dalam lagu-lagu Tamil tempatan. Pengkaji menggunakan panduan temu bual separuh berstruktur (Lampiran III) semasa menemu bual penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Ini bereti, pengkaji menjalankan temu bual separuh formal, di mana pengkaji menyediakan beberapa soalan tetapi ianya diubah suai ataupun soalan tambahan dikemukakan mengikut responden dan penjelasan subjek kajian.

### **3.6 Penganalisisan Data**

Analisis data merupakan bahagian yang amat penting dalam sesuatu penyelidikan. Penganalisisan yang tepat dan jitu penting untuk mensahihkan jawapan bagi soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan pada awal kajian. Hanya melalui kaedah penganalisisan yang baik dan jitu sahaja, pembuktian dapat dilakukan dan pada masa yang sama segala hasil penyelidikan dapat ditafsirkan.

Pengkaji telah menganalisis data kajian ini dalam dua aspek iaitu percampuran kod dari dimensi struktur linguistik dan dimensi sosiolinguistik. Dalam dimensi struktur linguistik pengkaji memfokuskan percampuran dan penukaran kod pada peringkat morfosintaksis iaitu *intra-sentential*, *inter-sentential*, pola dan struktur. Mengikut Poplack (1980), terdapat tiga jenis pola percampuran dan penukaran kod iaitu *intra-sentential* (dalam ayat), *inter-sentential* (antara ayat) dan penukaran *tag*. Dalam penganalisisan data pengkaji hanya memfokuskan kepada *intra-sentential* dan *inter-sentential* sahaja. Penukaran *tag* merujuk kepada kata-kata yang diselitkan untuk menyambungkan ayat. Dalam kajian ini penukaran tag tidak diberi tumpuan kerana

tidak terdapat *tag* dalam data kajian. Selain itu, data juga dianalisis dari segi pola percampuran bahasa dan struktur percampuran. Dalam dimensi sosiolinguistik pula pengkaji memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang menyebabkan percampuran dan penukaran kod dan sikap pengguna bahasa. Kerangka penganalisisan data adalah seperti dalam rajah berikut:



Rajah 3.1 Kerangka Penganalisisan Percampuran dan Penukaran Kod

Lagu-lagu dalam MP3 ‘ni:nka:ta nencil Voice Of mannin maintarkal 2010, edisi ke-4 dimainkan dan didengar beberapa kali bagi meneliti sebutan penyanyi. Kemudian lagu-lagu tersebut ditranskripsikan liriknya.

Lirik lagu-lagu ditranskripsikan mengikut sistem lambang fonetik Tamil. Kod-kod asing yang wujud dalam lirik lagu-lagu Tamil dibezakan dengan huruf condong dan ada kalanya ditebalkan.

Transkripsi lirik-lirik itu akhirnya dianalisis serta diuraikan oleh pengkaji secara terperinci dari aspek percampuran dan penukaran kod. Berdasarkan setiap transkripsi lirik ini, pengkaji telah menganalisis tahap-tahap penukaran dan percampuran kod dari segi perkataan, frasa, klausa dan ayat serta jenis-jenis bahasa yang sering digunakan dalam penulisan lirik lagu-lagu Tamil tempatan.

Pengkaji telah menganalisis data yang diperoleh melalui soal-selidik dan menghubungkaitkan percampuran dan penukaran kod ini dengan angkubah sosial seperti jantina, umur, pendidikan dan minat subjek kajian. Di samping itu, pengkaji juga telah menganalisis respon para penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan untuk mengetahui secara lebih terperinci mengenai faktor-faktor yang menggalakkan mereka untuk menggunakan bahasa asing dalam penghasilan lirik. Data ini akan dianalisis secara kualitatif.

### **3.7 Kesimpulan**

Metodologi kajian adalah aspek yang amat penting dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan. Pemilihan metodologi yang tepat dan benar akan mempengaruhi kesahihan sesuatu hasil penyelidikan. Teknik-teknik dan cara yang digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis data seperti mana yang dibincangkan tadi merupakan metodologi yang telah digunakan dalam kajian ini.